

**Hubungan Pencapaian Penilaian Berterusan, Pencapaian Projek Akhir dengan
Pencapaian Penilaian Akhir bagi Latihan Berasaskan Kompetensi di Pusat Bertaualiah
JKP**

2020

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubung kait komponen-komponen penilaian dalam Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) sebelum pengurusan membuat pertimbangan penambahbaikan komponen sistem penilaian sedia ada. Kajian secara kuantitatif telah dijalankan dimana komponen-komponen penilaian SPKM iaitu Penilaian Berterusan, Projek Akhir dan Penilaian Akhir dijadikan sebagai pemboleh ubah kajian. Sebanyak 300 markah penilaian pelatih yang menjalani latihan secara Sistem Latihan Program Bertaualiah (SLaPB) tahun 2018 telah dipilih sebagai sampel kajian. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science 22.0 (SPSS)* dan *SMART-PLS 3.0*. Didapati terdapat hubungan yang kuat antara Penilaian Berterusan dan Penilaian Akhir. Terdapat hubungan sederhana antara Penilaian Berterusan dan Projek Akhir. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Projek Akhir dan Penilaian Akhir. Komponen penilaian yang paling mempengaruhi pencapaian pelatih adalah Penilaian Akhir (Tahap 2 dan 3) dan Penilaian Berterusan (Tahap 4 dan 5). Kajian ini menunjukkan Penilaian Akhir dan Penilaian Berterusan hendaklah dikekalkan sebagai komponen penilaian. Bagi tahap 2 dan 3 penambahbaikan pelaksanaan Penilaian Berterusan hendaklah dilakukan manakala bagi tahap 4 dan 5, pertimbangan boleh dibuat untuk mengecilkan pemberat Penilaian Akhir dan menjumudkan Projek Akhir.